

Dua pesawat TLDM akan dihantar ke Solomon

BH 14 JUN 2000

SUBANG, Selasa – Malaysia akan menghantar dua pesawat pengangkut C-130H Hercules milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk membawa keluar kira-kira 200 rakyat Malaysia dari Kepulauan Solomon yang dilanda perang saudara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata dua pesawat tersebut dijangka berlepas dari sini esok dan singgah di Papua New Guinea sebelum meneruskan penerbangan ke Honiara, ibu negara Solomon.

“Kita mengamhil keputusan menghantar dua pesawat mampu membawa rakyat Malaysia itu kerana keadaan di sana tidak menentu. Oleh itu, lebih baik kita bertindak sekarang,” katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang di sini, selepas menyambut kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kembali ke tanah air selepas lawatan kerja seminggu ke Jepun.

Syed Hamid berkata, Malaysia pada mulanya meminta bantuan Australia yang sedang membawa keluar rakyatnya keluar dari Solomon dengan menggunakan kapal perang.

“Namun, ia tidak dapat menampung keperluan rakyat kita dan sudah pasti mereka mahu membawa keluar rakyat mereka terlebih dahulu. Sebab itu, kita menghantar pesawat kita sendiri,” katanya.

Pergolakan di kepulauan itu tercetus berikutan rampasan kuasa yang menuntut peletakan jawatan Perdana Menteri Bartholomew Ulufa’alu.

Kira-kira 100 rakyat Malaysia berada di Honiara dan selebihnya di pulau Malaita dan beberapa pulau lain sekitarnya.

Dianggarkan terdapat 20 syarikat Malaysia beroperasi di kepulauan berkenaan yang

kebanyakannya terbabit dalam aktiviti pembalakan dan peladangan.

Sementara itu di MELBOURNE, Utusan Khas Malaysia ke Kepulauan Solomon telah kembali ke Canberra dengan harapan pihak yang bertikai akan segera menyelesaikan masalah mereka dan mengembalikan keamanan di kepulauan itu.

Datuk Adnan Othman, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia, ialah antara anggota Kumpulan Tindakan Menteri-menteri Komanwel yang menghabiskan masa sehari di Honiara dalam usaha mencari penyelesaian terhadap konflik etnik yang sudah berlarutan sejak 18 bulan lalu di Solomon.

Anggota lain delegasi Komanwel itu ialah menteri-menteri luar Botswana dan Australia. New Zealand juga dipilih menyertai kumpulan itu.

“Saya diarahkan menyertai misi ini apabila Tan Sri Musa Hitam tidak dapat berbuat demikian,” kata Adnan.

Menurutnya beberapa pertemuan diadakan di Hotel Mendana, di mana misi Komanwel itu bertemu Gabenor Jeneral Kepulauan Solomon, perdana menteri yang digulingkan Bartholomew Ulufa’alu dan pemimpin rampasan kuasa Andrew Nori.

“Kami menekankan kepada pelbagai pihak itu mengenai pentingnya Kepulauan Solomon kembali kepada proses demokratik dan mematuhi perlembagaan bagi mencapai satu penyelesaian kerana jika ia tidak dilakukan, adalah sukar bagi negara-negara Komanwel lain untuk menghulurkan sebarang bantuan.

“Jadi, kami meminta pelbagai pihak di Kepulauan Solomon supaya meneruskan rundingan bagi mengekalkan kedamaian dan mencari jalan untuk mengadakan gencatan senjata,” katanya.